

PELAKSANAAN HUKUMAN MATI MENURUT PERSPEKTIF HUKUM ISLAM

*Oleh: Ustaz Hamidi bin Abdul Ghani**

Abstrak

Hukuman mati merupakan salah satu bentuk hukuman dalam undang-undang jenayah Islam. Sesetengah pihak mencadangkan supaya peruntukan hukuman mati di Malaysia dimansuhkan disebabkan kegagalannya berperanan untuk menyekat jenayah kekerasan masa kini. Artikel ini akan menghuraikan pelaksanaan hukuman mati dalam Islam dan seterusnya memperlibatkan keberkesanannya untuk membanteras jenayah kekerasan.

Muqaddimah

Manusia telah diberi penghormatan oleh Allah untuk menjalani kehidupan di dunia. Beberapa hak telah diberi kepada mereka. Hak yang paling besar dan utama perlu dijaga ialah memelihara nyawa yang dikira sebagai simbolik untuk hidup. Islam mengharamkan penganutnya membunuh sama ada diri sendiri lebih-lebih lagi membunuh orang lain.

Tapi di sebalik larangan itu, Islam membenarkan membunuh orang lain kalau dengan kebenaran (Al-Haq) atau dengan sebab-sebab yang dibolehkan. Firman Allah: [Al-Isra' 17 : 33]

وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ

Maksudnya :

"Dan janganlah kamu bunuh manusia yang dilarang Allah membunuhnya, melainkan untuk keadilan."

Antara sebab yang membolehkan seseorang itu dibunuh telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadis:

* Pensyarah di Jabatan al-Syariah, KIAS

لا يخل دم امرئ مسلم يشهد أن لا إله إلا الله وأني رسول الله إلا بإحدى ثلاث :
النفس بالنفس والذئب الزاني والمفارق لدينه التارك الجماعة

Maksudnya:

"Tidak halal mengeluarkan darah (membunuh) orang Islam yang mengaku bahawa tiada tuhan yang layak disembah melainkan Allah dan aku ini adalah utusan Allah, kecuali dengan tiga sebab iaitu orang yang telah berkahwin berzina, orang yang membunuh orang lain dan orang yang meninggalkan agama serta memisahkan diri jam'ah." [Al-Bukhari 1407: 12/209; Muslim 1987: 4/164' Al-Nasa'i t.th: 4/3].

Menjatuhkan hukuman mati ke atas penjenayah telah dijalankan oleh umat-umat yang terdahulu. (Al-Dahlawi 1992 : 2/423). Mereka mengakui kepentingan hukuman mati dan menganggapnya boleh mencegah dari berlakunya jenayah. Pepatah Arab zaman jahiliah berbunyi "Pembunuhan menghilangkan pembunuhan".

Di zaman moden ini, hukuman mati bukanlah sesuatu yang diterima semua negara di dunia. Beberapa negara seperti Australia, Kanada, Britain dan negara-negara Eropah telah menghapuskan hukuman ini untuk semua kes jenayah. Sementara negara-negara seperti Arab Saudi, China, India dan Malaysia masih mengekalkannya. (<http://id.wikipedia.org/wiki/Hukuman-mati>)

Namun begitu pelaksanaan hukuman mati di Malaysia tidak berkesan untuk membanteras jenayah kekerasan terutama jenayah pembunuhan. Jenayah seperti itu masih berlaku dan sehingga kini tiada tanda-tanda kes seumpama itu akan menurun walaupun adanya hukuman tersebut. Fenomena ini telah menimbulkan cadangan dari sesetengah pihak supaya peruntukkan hukuman mati dimansuhkan (Utusan Malaysia 21 Mac 2006).

Penulis berpendapat berlakunya peningkatan jenayah kekerasan bukanlah disebabkan ketidakkeberkesanan peruntukkan hukuman mati tetapi ia disebabkan cara pelaksanaannya yang tidak berkesan. Justeru itu artikel ini ditulis bertujuan memberi gambaran yang jelas tentang cara pelaksanaan hukuman mati menurut Islam dan menonjolkan keberkesanannya dalam membanteras jenayah kekerasan.

Jenis Kesalahan Dalam Islam Yang Dikenakan Hukuman Mati

Jenis kesalahan yang dikenakan hukuman mati dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

1. **Kesalahan-kesalahan Hudud.** Antaranya ialah:

- a. Zina yang dilakukan oleh orang telah berkahwin sebagaimana hadith di atas.
- b. Murtad sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.:

" من بدل دينه فاقتلوه "

Maksudnya:

"Sesiapa yang menukar agamanya hendaklah dibunuh." [Al-Bukhari 1407:12/279; Malik: 1990:4/17].

- c. Merompak serta membunuh sebagaimana firman Allah:
(Al-Maidah 5 : 33)

إِنَّمَا جَزَاءُ الَّذِينَ يُحَارِبُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَسْعَوْنَ فِي الْأَرْضِ فَسَادًا أَنْ يُقَتَّلُوا
أَوْ يُصَلَّبُوا أَوْ تُقَطَّعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ مِنْ خَلْفِهِمْ أَوْ يُنْفَوْا مِنَ الْأَرْضِ

Maksudnya:

"Pembalasan terhadap orang-orang yang memerangi Allah dan RasulNya dan membuat bencana di muka bumi tiada lain dari dibunuh atau digantung di kayu palang atau dipotong tangan dan kaki mereka sebelah yang berlainan atau dibuang dari negeri."

- d. Menderhaka sebagaimana firman Allah : [Al-Hujurat 49:9]

وَإِنْ طَائِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ اقْتَتَلُوا فَأَصْلَحُوا بَيْنَهُمَا فَإِنْ بَغَتْ إِحْدَاهُمَا عَلَى الْأُخْرَى
فَقْتُلُوا الَّتِي بَغَتْ حَتَّى تَقْبَلَ إِلَى أَمْرِ اللَّهِ

Maksudnya:

"Dan kalau ada dua golongan dari orang-orang yang beriman itu berperang-perangan, hendaklah kamu damaikan keduanya, tetapi kalau yang satu

melanggar perjanjian terhadap yang lain, hendaklah yang melanggar perjanjian itu kamu perangi sampai surut kembali kepada perintah Allah."

e. Sumbang mahram

Selain dari kesalahan-kesalahan hudud yang tersebut di atas, terdapat kesalahan yang ada kaitan dengan jenayah zina iaitu sumbang mahram yang dilakukan oleh orang yang belum berkahwin juga boleh dikenakan hukuman mati. Sumbang mahram yang dimaksudkan di sini ialah perbuatan zina antara orang-orang yang haram nikah antara satu sama lain.

Penulis cuba untuk membincangkan tentang hukuman mati ke atas pesalah sumbang mahram yang sering diperkatakan hari ini. Setengah masyarakat menganggap bahawa undang-undang ketat seperti hukuman mati ke atas pesalah sumbang mahram terutamanya yang membabitkan bapa atau pencari nafkah utama keluarga tidak sesuai dilaksanakan di Malaysia. [Berita Minggu 14 September 1997].

Penulis berpendapat bahawa anggapan itu tidak tepat kalau dibandingkan dengan kesalahan zina atau rogol. Zina adalah termasuk dalam dosa besar, lebih dahsyat lagi kalau dilakukan bersama mahram sama ada secara sukarela atau paksaan. Perbuatan sumbang mahram boleh mendatangkan kesan dan gangguan mental dan fizikal kepada perempuan. Kemungkinan juga ekor dari itu akan timbul perbuatan membuang bayi. Dan ia boleh meruntuhkan institusi keluarga dan memusnahkan keturunan. Justeru itu hukuman mati merupakan hukuman yang amat sesuai sama ada pesalah berkenaan belum berkahwin lebih-lebih lagi yang telah berkahwin.

Penulis amat bersetuju dengan pandangan ulama yang mewajibkan hukuman mati ke atas pelaku sumbang mahram. [Ibn Qayyim 1991: 5/15; Al-Shaukani 1995:7/121, 'Abd. Karim Zaidan 1993: 5/135] Sandaran pendapat ini ialah hadis yang berbunyi:

"من وقع على ذات محرم فاقتلوه"

Maksudnya :

"Sesiapa yang bersetubuh dengan mahramnya hendaklah dibunuh."
[Ibn Majah t.th: 2/856; Ahmad t.th: 16/102].

Dalam hadis di atas, Rasulullah s.a.w. telah memerintahkan orang yang bersetubuh dengan mahramnya dihukum bunuh tanpa membezakan antara yang telah berkahwin dengan yang belum berkahwin. Dalam ilmu Usul Fiqh perintah dikira sebagai kewajipan.

Begitu juga hadis Al-Bara' menceritakan hukuman mati yang dijatuhkan oleh Rasulullah s.a.w. ke atas orang yang berkahwin dengan ibu tirinya. [Ahmad t.th: 16/103; Abu Daud 1990: 6/94; Al-Tirmizi 1990: 4/498]. Dalil-dalil ini jelas mengkhususkan bahawa sumbang mahram mesti dikenakan hukuman mati sama ada telah atau belum berkahwin, dan pendapat ini keputusan Rasulullah s.a.w. [Ibn Qayyim 1991: 5/15].

Kesalahan pelaku sumbang mahram yang telah berkahwin boleh dimasukkan di bawah kategori hudud iaitu direjam sampai mati. Sementara pelaku sumbang mahram yang belum berkahwin boleh dikategorikan sebagai ta'zir, yang juga boleh dikenakan hukuman mati apabila kesalahan itu amat berat. Pelaku sumbang mahram mesti dihukum bunuh supaya ia boleh memberi pengajaran kepada masyarakat.

Mengikut undang-undang sivil antara faktor yang boleh memberatkan hukuman ialah kekerapan sesuatu kesalahan berlaku dalam suatu masa dan kedudukan serta hubungan penjenayah dengan mangsanya seperti bapa merogol gadis suntinya sendiri. Semakin rapat hubungan antara penjenayah dengan mangsanya yang sepatutnya menghormati dan bukan mengkhianatinya, maka hukuman yang lebih berat akan dikenakan setimpal dengan perbuatannya. [Abdul Aziz Hussin 1988: 140-141].

2. **Kesalahan Qisas** iaitu membunuh orang dengan sengaja sebagaimana firman Allah: [Al-Baqarah 2 : 178]

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَتْلِ

Maksudnya:

"Hai orang-orang yang beriman! Diwajibkan kepada kamu qisas (pembalasan) dalam perkara pembunuhan."

3. Kesalahan-kesalahan Ta'zir.

Asal dalam pensyariaan, ta'zir untuk mendidik, tetapi terdapat di kalangan ulama mengenakan hukuman ta'zir dengan bunuh apabila hukuman itu membawa kepentingan umum dan apabila kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh penjenayah berulang kali setelah mereka dikenakan hukuman had dan ta'zir yang bukan hukuman mati. Hukuman mati ini adalah hukuman berbentuk "Siyasat Shar'iiyyat" supaya perbuatan jenayah tidak akan berleluasa dan masyarakat menjadi gerun untuk melakukan jenayah. Antara kesalahan ta'zir yang boleh dihukum bunuh ialah pengintip yang mendedahkan rahsia orang Islam kepada musuh, pengganas dan orang yang mendakyah kepada kesesatan. [Abd 'Aziz 'Amir 1976 322; Ibn Taimiyah 1992: 46].

Majlis Tertinggi Ulama Arab Saudi pada 20/6/1407 memfatwakan hukuman mati boleh dikenakan kepada pengedar dan pedagang dadah. [Al-Sadlan 1412:270].

Bentuk hukuman mati dalam Islam terbahagi kepada dua cara iaitu:

1. Hukuman mati dengan direjam menggunakan batu.
2. Hukuman mati bukan rejam biasanya dipancung dengan pedang, dilontar lembing dan sebagainya.

Cara Pelaksanaan Hukuman Rejam

Sebelum sesuatu hukuman dijalankan, hakim atau pemerintah sebagai orang yang bertanggungjawab melaksanakan undang-undang mesti mengeluarkan perintah atau membenarkan pelaksanaan hukuman berkenaan.

Kalau dibiarkan setiap orang melaksanakan hukuman sebelum keluar perintah Imam atau wakilnya akan membawa kepada huru-hara dan menggugat keamanan dalam masyarakat kerana setiap orang mempunyai cita rasa sendiri untuk menghukum dan bertindak. (Al-Kasani t.th: 7/57; Al-Mawwaq 1992: 2/296; Al-Shirazi t.th: 2/269; Al-Mawardi t.th: 10/150).

Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

"أربع إلى السلطان : إقامة الجمعة والزكاة والحدود والقصاص"

Maksudnya:

"Empat perkara yang diserahkan kepada pemerintah iaitu mendirikan sembahyang Juma'at, mengutip pelbagai zakat, melaksanakan hukuman hudud dan qisas."
[Al-Zaila'i 1973: 3/326].

Kedudukan Dan Keadaan Pesalah

Para Imam yang empat sependapat bahawa jika pesalah yang menjalani hukuman rejam itu lelaki, dia dikehendaki menjalaninya dalam keadaan berdiri, tanpa diikat dengan sesuatu, tidak pula dipegang dan tidak juga ditanam sebahagian tubuhnya. Sama ada hukuman itu disabitkan dengan saksi atau dengan pengakuan sendiri. Sebagaimana tindakan Rasulullah s.a.w. tidak menggali lubang ketika melaksanakan hukuman rejam ke atas Ma'iz dan orang Yahudi. [Muslim 1987: 4/196; Al-Baihaqi 1994: 8/384, Al-Bukhari 1407: 12/172].

Lagipun pesalah yang direjam itu kemungkinan akan lari ketika dia direjam. Tindakannya ini dikira sebagai dia sudah menarik balik pengakuannya. Oleh kerana itu pelaksanaan rejam mesti dihentikan segera jika kes itu sabit dengan pengakuan. Tetapi jika ia sabit menerusi kesaksian para saksi maka pelaksanaan tersebut tidak harus dihentikan, malah wajib diikuti ke mana sahaja dia lari dan terus direjam sehingga mati. [Ibn 'Abidin 1979: 4/14; Al-Dasuqi t.th: 4/320; Al-Mawardi 1994: 17/33; Al-Ramli 1993: 7/434; Ibn Qudamah 1348: 10/120].

Kalau pesalah itu seorang perempuan maka pemerintah diberi pilihan sama ada digali lubang untuknya atau tidak mengikut sesetengah pendapat fuqaha. Mengikut satu riwayat, Rasulullah s.a.w. telah menggali lubang untuk

perempuan suku Ghamidi yang menjalani hukuman rejam sekadar paras dadanya. [Muslim 1987: 4/203] Menggali lubang untuk pesalah digalakkan jika kesnya sabit dengan penyaksian. Kalau kes berkenaan disabitkan dengan pengakuan, maka penggalian lubang tidak digalakkan kerana menghalangnya dari melarikan diri sedangkan melarikan diri dari menjalani hukuman dianggap sebagai penarikan pengakuannya. Penarikan balik pengakuan merupakan sebab yang menggugurkan hukuman rejam. [Al-Kasani t.th: 7/59; Al-Sarkhasi t.th: 9/52; Al-Mawardi 1994: 17/32; Al-Sharbini 1958: 4/154; Ibn Qudamah 1348, 10/120].

Kalau seseorang perempuan itu direjam tanpa ditempatkan di dalam lubang, maka hendaklah diikatkan pakaiannya dengan kemas supaya tidak mudah terbuka dan lebih menjamkannya dari pendedahan aurat.

Kedudukan, jarak dan bilangan tukang rejam

Untuk melaksanakan hukum rejam ini, ulama ada yang memberikan beberapa cara untuk dituruti. Tetapi cara itu bukanlah satu kemestian untuk diikuti oleh pemerintah, malah mereka boleh berijtihad berdasarkan kemaslahatan, kerana tidak ada nas yang kukuh tentang kedudukan perejam, apa yang penting ialah tercapai maksud untuk mematikan pesalah berkenaan.

Cara pertama ialah orang yang direjam itu dikelilingi manusia dari semua penjuru. [Al-Qurtubi 1979: 2/359; Al-Malibari t.th: 4/147; Ibnu Qudamah 1348: 10/120].

Cara berikutnya telah digariskan oleh Sayyidina 'Ali [Al-Baihaqi 1994: 8/384] iaitu orang yang melontar batu berbaris seperti saf dalam sembahyang jemaah. Setelah kumpulan depan selesai melontar mereka akan berundur dan kumpulan di belakang akan tampil pula untuk melontar [Ibnu 'Abidin 1979: 4/11].

Dua cara tersebut boleh disatukan iaitu dengan cara orang ramai mengelilingi penjenayah dalam bentuk saf sembahyang jemaah seperti saf sembahyang yang mengelilingi ka'abah di Mekah.

Tentang jarak antara perejam dengan pesalah pula ulama' ada yang berpendapat jangan terlalu jauh dan tidak terlalu dekat. Jarak yang jauh menyebabkan

lontaran tidak mengenai sasaran dan jarak yang dekat dibimbing akan terkena percikan darah pesalah. (Al-Ramli 1993: 7/434; Al-Mawardi 1994: 17/33).

Mengenai bilangan perejam pula tidak ada ulama yang menetapkan bilangan yang tertentu malah yang penting ialah bilangan yang boleh menghabiskan nyawa pesalah dengan segera. Hadis ada menyebut:

"إن الله كتب الإحسان على كل شيء، فإذا قتلتم فأحسنوا القتلة"

Maksudnya:

"Sesungguhnya Allah telah menetapkan ihsan pada tiap-tiap sesuatu, maka apabila kamu melaksanakan hukuman mati maka perelokkanlah pelaksanaan hukuman mati kamu." [Muslim 1987: 5/106; Abu Daud 1990: 10/76].

Keadaan Pakaian

Pesalah lelaki dan perempuan mestilah memakai pakaian yang menutup aurat semasa direjam kerana mendedahkan aurat hukumnya haram. Tapi kalau dia memakai pakaian luar yang tebal seperti baju bulu dan sebagainya, maka hendaklah di tanggal kerana pakaian tersebut boleh menyekat rasa sakit sampai ke badannya. Pakaian pesalah perempuan juga mesti diikat kemas sebelum direjam. (Ibn Humam 1316: 5/234; Al-'Adawi t.th: 2/295; Al-Sharbini 1958: 4/153, Ibn Qudamah 1348: 10/120).

Alat yang digunakan dan bilangannya

Hukuman rejam boleh dilaksanakan dengan menggunakan tanah yang keras atau batu yang sederhana iaitu sebesar sepergenggaman tangan atau apa sahaja yang seumpama batu. Dalam kisah Ma'iz, beliau telah direjam dengan tulang, tanah lumpur yang keras dan tembikar. (Muslim 1987: 4/196; Al-Baihaqi 1994: 8/384).

Rejam tidak boleh dilakukan dengan anak-anak batu yang kecil supaya pesalah tidak disiksa terlalu lama dan tidak pula boleh digunakan ketul-ketul batu yang besar yang boleh mematikannya dengan segera, kerana dengan sebab itu boleh menghilangkan hikmat penyeksaan yang diharap-harapkan. [Al-Mawwaq 1992: 6/295; Al-Kashnawi t.th: 3/163; Al-Mawardi 1994: 17/33, Al-Ramli 1993: 7/343].

Berkenaan dengan bilangan batu yang diperlukan ialah tidak ada had atau ditentukan jumlah, kerana kadang-kadang bilangan yang sedikit sudah cukup apabila rejaman itu terkena pada bahagian yang merbahaya dan kadang-kadang pula berlaku sebaliknya apabila batu-batu itu tidak mengenai tempat yang membunuh, maka kematiannya akan mengambil masa dan memerlukan kepada bilangan batu yang banyak semasa merejamnya. [Abd. Qadir 'Awdah: 1989: 2/448].

'Abd. Qadir 'Awdah [1989: 2/448] berpendapat bahawa tidak ada tindakan lain yang boleh digunakan sebagai ganti kepada hukuman rejam walaupun tindakan-tindakan lain itu juga boleh mematikan pesalah kerana ia sudah di praktikal dan ditetapkan begitu di dalam sunnah Rasulullah s.a.w. [Muslim 1987: 4/196; Al-Bukhari 1407: 12/172; Abu Daud 1990: 6/70].

Undang-undang Prosedur Jenayah Sudan tahun 1991 Seksyen 194 memperuntukkan hukuman rejam tidak boleh digantikan dengan hukuman lain. [Yas 'Umar Yusuf 1993: 329].

Bahagian Badan Yang direjam

Semua bahagian badan penjenayah boleh direjam kecuali muka sahaja. [Al-Ramli 1993: 7/434; Al-Sharbini 1958: 4/153; Al-Mawardi 1994: 17/34]. Sandaran pendapat ini ialah bahawa Nabi Muhammad s.a.w. merejam Al-Ghamidiyah dengan batu dan menyuruh para sahabat merejamnya dan menjauhi merejam muka. [Abu Daud 1990: 6/83; Ahmad t.th: 16/98].

Tempat Pelaksanaan

Ulama Islam [Al-Kasani t.th: 7/60; Al-Shirazi, t.th: 2/287; Ibnu Qudamah 1348: 10/124] sependapat bahawa hukuman rejam tidak boleh dijalankan di dalam masjid kerana Rasulullah s.a.w telah melarang pelaksanaan hukuman hudud di dalam masjid. [Ibnu Majah t.th: 2/867; Abu Daud 1990: 6/129]. Masjid adalah tempat ibadat kaum muslimin dan ia mempunyai kemuliaan dan kesucian yang tersendiri yang perlu dipelihara. Kebisingan suara pesalah dan pekikan mereka begitu juga dengan darah yang terpancar akibat pelaksanaan hukuman itu akan mencemarkan kemuliaan, kesucian dan kebersihan masjid.

Pelaksanaan rejam kepada Ma'iz di zaman Rasulullah s.a.w. telah dilakukan di tempat yang luas lagi terbuka iaitu di Baqi' Al-Gharqad [Muslim 1987:4/196].

Adalah wajar pelaksanaan hukuman rejam dilakukan pada satu tempat yang luas agar rejaman yang sedang berlaku tidak mengena orang lain selain pesalah yang berkenaan dan dapat disaksikan oleh orang ramai. [Ibnu 'Abidin 1966: 4/10; Al-Kasani t.th: 7/6].

Perasmi Hukuman Rejam

Apabila kesalahan zina disabitkan dengan keterangan dan bukti maka pelaksanaan rejam akan dimulakan oleh para saksi yang memberi keterangan dalam kes itu, kemudian barulah Imam dan seterusnya orang ramai. [Ibn 'Abidin 1966: 4/11-12; Al-Sarkhasi t.th: 9/51; Al-Sharbini 1958: 4/152; Al-Shirazi t.th: 2/296; Ibn Qudamah 1348: 10/134]. Pendapat ini berdasarkan kepada kata-kata Sayidina 'Ali:

"أما امرأة جئ بها أو رجل زان فشهد عليه أربعة بالزنا فالشهود أول من يرحم ثم الإمام ثم الناس"

Maksudnya:

"Mana-mana perempuan atau lelaki yang berzina dan telah dibuktikan oleh empat orang saksi maka para saksi hendaklah memulakan rejam, kemudian barulah Imam, kemudian orang ramai." [Al-Baihaqi 1994: 8/384].

Apabila kesalahan itu disabit menerusi pengakuan pesalah sendiri maka Imam atau penggantinya (wakil) yang akan memulakan pelaksanaan tersebut. Walau bagaimanapun orang yang memulakan pelaksanaan rejam sama ada saksi atau Imam bukanlah perkara yang diwajibkan tapi adalah perkara yang disunatkan sahaja. [Al-Mawardi 1994: 17/33; Al-Shirazi t.th: 2/296; Al-Sharbini 1958: 4/152].

Layanan Sebelum Dan Selepas Direjam

Sebelum seseorang pesalah direjam, dia dianjurkan supaya bertaubat sebagai penutup kehidupannya. Apabila masuk waktu sembahyang fardhu maka disuruhnya supaya mendirikan sembahyang dan kalau dia ingin mengerjakan

sembahyang sunat dibenarkan sembahyang sunat dua rakaat. Kalau dia meminta minuman dan makanan, dia diberi minuman tetapi tidak diberi makanan kerana minuman adalah untuk menghilangkan dahaga yang lepas tapi makanan adalah untuk mengenyangkan masa hadapan. [Al-Sharbini 1958: 4/152; Al-Ramli 1993: 7/434; Al-Mawardi 1994: 17/32; Al-Bakri t.th: 4/147].

Apabila penjenayah yang direjam itu mati, maka mayatnya diserahkan kepada ahli warisnya. Mereka bertanggungjawab melakukan perkara-perkara yang wajib dilakukan kepada mayat biasa, seperti memandi, mengkapkan, menyembahyangkan dan mengebumikannya di tanah perkuburan orang Islam. [Al-Kasani t.th: 7/63; al-Kashnawi t.th: 3/163, Al-Mawardi 1994: 17/30; Ibn Qudamah 1348: 10/129].

Begitulah arahan Sayidina 'Ali kepada para sahabatnya selepas dilaksanakan hukuman rejam ke atas Shurahah dengan katanya:

"أَفْعَلُوا بِمَا تَفْعَلُونَ بِمَوْتَاكُمْ"

Maksudnya:

"Kamu lakukanlah untuknya apa sahaja yang wajib kamu lakukan untuk mayat-mayat yang lain." [Al-Baihaqi 1994: 8/384].

Penangguhan Hukuman Rejam

Pelaksanaan hukuman rejam boleh ditangguhkan hanya dengan satu sebab sahaja iaitu bagi pesalah perempuan hamil. Tujuan hukuman rejam adalah untuk membunuh, tapi kalau pesalah itu hamil kesan hukuman itu akan membinasakan anak dalam kandungan. Islam hanya menghukum orang bersalah sahaja bukan melibatkan nyawa orang lain yang tidak bersalah. [Ibn 'Abidin 1966: 4/16; Al-Dasuqi, t.th: 4/322; Al-Sharbini 1958: 4/154; Ibn Qudamah 1348: 10/135].

Ayat al-Quran jelas menunjukkan bahawa seseorang itu tidak memikul dosa orang lain. Firman Allah: [Al-An'am 6: 164]

وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ

Maksudnya:

"Dan tiada pemikul beban akan memikul beban orang lain."

Rasulullah s.a.w. telah menangguhkan hukuman rejam ke atas seorang perempuan yang hamil dari suku Ghamidi sehingga dia melahirkan anak. [Muslim 1987: 4/204]. Di zaman Sayidina 'Umar dan Ali juga pernah berlaku penangguhan hukuman rejam terhadap perempuan yang hamil. ['Abd Al-Khaliq Al-Nawawi t.th: 93; Al-Baihaqi 1994: 384].

Pelaksanaan rejam akan dilakukan apabila perempuan itu selamat melahirkan anak dan terdapat orang yang boleh menyusukan bayi itu. Kalau tidak terdapat orang yang ingin menyusukan bayi itu, hukuman boleh ditangguhkan sekali lagi sehingga cukup tempoh menyusu. [Ibn 'Abidin 1966: 4/16; 'Adawi t.th: 2/289; Ibn Qudamah 1348: 10/135].

Kehadiran Orang Awam Dan Dipertontonkan

Pelaksanaan hukuman hudud terutamanya hukuman rejam dan hukuman qisas mesti dilakukan di tempat terbuka dan dihadiri oleh orang awam. Sebagaimana ditegaskan oleh Allah dalam al-Quran: (Al-Nur 24: 2)

وَلْيَشْهَدْ عَذَابُهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya:

"Dan hendaklah hukuman keduanya (penzina yang akan disebat) itu disaksikan oleh sekumpulan orang-orang yang beriman."

Pelaksanaan hudud secara terbuka telah dipraktikkan oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya sebagaimana dalam kisah merejam Ma'iz di tempat lapang [Muslim 1987: 4/196].

Ulama' berbeza pendapat tentang jumlah orang awam (kumpulan) yang perlu menghadiri majlis penyebatan itu. [Ibn 'Abidin 1966: 4/11; Al-Hattab 1992: 6/295; Al-Sharbini 1958: 4/125; Ibn Qudamah 348:10/133]. Dalam hal ini Al-Alusi [t.th: 18/84] seorang ahli tafsir mengemukakan pendapat yang boleh diterima semua, iaitu kehadiran orang awam yang diperlukan bukan terletak pada sedikit atau ramai tetapi kehadiran yang dimaksudkan ialah sejumlah orang yang boleh menghebahkan dan menimbulkan pencegahan dan ia berbeza mengikut keadaan tempat dan peribadi seseorang.

Kehadiran orang awam mempunyai tujuan-tujuan tersendiri, antaranya ialah boleh menimbulkan kegerunan dan pencegahan kepada orang yang

menyaksikan sendiri dan orang yang mendengar cerita pelaksanaan itu. Seterusnya ia akan menjadi bualan dan bahan cerita kepada generasi akan datang. Selain itu, di kalangan orang yang menyaksikan penyebatan itu juga boleh mendoakan rahmat kepada pesalah agar dia dapat bertaubat dan kembali menjadi anggota masyarakat yang berguna. [Al-Hattab 1992: 2/295; Al-Dasuqi t.th: 4/320; Al-Zurair 1980: 1990].

Cara Pelaksanaan Hukuman Mati Selain Dari Rejam

Penulis tidak mendapati cara yang terperinci yang diberikan oleh ulama' mengenai cara pelaksanaan hukuman mati selain dari rejam sebagaimana cara pelaksanaan rejam. Ini kerana terdapat banyak persamaan antara keduanya seperti pakaian pesalah; tempat pelaksanaan, layanan sebelum dan selepas mati kecuali layanan ke atas mayat orang yang murtad dan sebab penangguhan. Apa yang mereka nyatakan dalam pelaksanaan hukuman ini ialah alat yang digunakan dan kehadiran waris mangsa pembunuhan semasa pelaksanaan.

Alat Yang Digunakan

Alat yang digunakan untuk melaksanakan hukuman mati bagi kesalahan murtad, membunuh dengan sengaja, menderhaka dan merompak ialah pedang atau seumpamanya seperti lembing. [Al-Kasani t.th: 7/245; Al-'Adawi t.th: 2/289, 293; Al-Ramli 1993: 7/419; Ibn Qudamah 1348: 10/76; 303-304]. Pandangan ini adalah yang paling kuat sekali dan sandarannya ialah hadis:

"إن الله كتب الإحسان على كل شيء، فإذا قتلتم فأحسنوا القتلة "

Maksudnya:

"Sesungguhnya Allah telah menetapkan ihsan di atas setiap sesuatu, maka apabila kamu membunuh perelokkanlah pelaksanaan kamu." [Muslim 1987: 5/106; Abu Daud 1990: 10/76].

Al-Nawawi [1987:5/107] menjelaskan bahawa hadis tersebut umum yang meliputi pelaksanaan hukuman mati dalam kes qisas dan hudud. Ibn Taimiyah [1988: 78] berpendapat melaksanakan hukuman mati dengan pedang atau seumpamanya adalah cara terbaik kerana ia cepat untuk menghilangkan nyawa dan kurang dari segi seksaan.

Selain dari hadis umum itu, terdapat juga hadis yang khusus tentang pembalasan qisas dan murtad iaitu hadis:

" لا قود إلا بالسيف "

Maksudnya:

"Tidak ada pembalasan kecuali dengan pedang." [Ibn Majah t.th: 2/889]

dan,

" من غير دينه فاضربوا عنقه "

Maksudnya:

"Sesiapa yang menukar agamanya maka pukullah (puncunglah) lehernya."
[Al-Baihaqi 1994: 8/338].

Tempat Tetakan Pedang Atau Seumpamanya

Apabila pemerintah memilih pedang sebagai alat untuk hukuman mati maka tempat tetakan ialah di leher pesalah bukan di badan, kepala dan sebagainya. [Al-'Adawi t.th: 2/289; Al-Sharbini 1958: 4/140].

Apabila lembing dipilih sebagai alat untuk hukuman mati maka berbagai pendapat diberikan antaranya ialah dilontar di tengah dadanya atau ditusuk di bawah buah dada kirinya. [Al-'Adawi, t.th: 2/293; Al-Sarkhasi: 9/196].

Dalam hal ini, diperlukan orang yang berpengalaman luas (pakar) untuk menentukan bahagian badan mana yang cepat dapat menghilangkan nyawa pesalah apabila dilontar dengan lembing.

Penggunaan Alat Selain Daripada Pedang Atau Lembing

Asas dalam hukuman mati ialah ihsan dan maksud ihsan dalam melaksanakan hukuman mati ialah memilih dan melaksanakan cara yang paling mudah dan kurang kesakitan. [Al-Mubarakpuri 1990: 4/553]. Rasulullah s.a.w. memilih pedang sebagai alat untuk membunuh ialah kerana pedang adalah alat yang paling berkesan sekali pada masa itu untuk mematikan orang dengan pantas

dan kurang kesakitan. [Al-'Adawi t.th: 2/293; Al-Sharbini 1958: 4/140; Ibn Qudamah 1348: 10/303-304].

Tidak menjadi satu kesalahan kalau terdapat di zaman teknologi canggih ini, alat lain yang lebih cepat kesannya dalam membunuh seseorang. Antara cara yang digunakan untuk menjalankan hukuman mati dewasa ini ialah melalui suntikan maut, kerusi dan kejutan elektrik, hukuman gantung dan ditembak.

'Abd Qadir 'Awdah [1989: 1/760] telah bersetuju penggunaan alat-alat selain daripada pedang dalam hukuman mati sekiranya alat tersebut lebih pantas dan berkesan dari pedang dan kurang kesakitan. Beliau telah memetik fatwa yang telah dikeluarkan oleh Lujnah Fatwa Al-Azhar untuk menguatkan pendapatnya.

Selain dari penggunaan pedang, kerajaan Arab Saudi juga telah menggunakan senapang sebagai alat dalam hukuman qisas. [Al-Hawish 1396: 1/19].

Pelaksanaan hukuman mati yang bukan rejam dijalankan di Arab Saudi ialah dengan cara penjenayah lelaki akan diikat kaki dan tangan di tempat pelaksanaan, dia didudukkan di atas tanah dengan ditutup matanya dan didedahkan tengukunya. Tukang pancung akan memancung lehernya dari belakang. Pesalah perempuan biasanya akan ditembak dengan senapang. [Al-Hamidani 1993: 434].

Kehadiran Dan Kemaafan Ahli-Ahli Waris Mangsa Pembunuhan

Majoriti ulama' [Al-Kasani t.th: 7/243, Al-Hattab 1992; Al-Shafi'e 1993: 6/22] telah mensyaratkan kehadiran ahli-ahli waris mangsa semasa pelaksanaan hukuman qisas kerana ini boleh menimbulkan dua perkara iaitu:

1. Kehadiran ahli waris mangsa untuk menyaksikan qisas boleh menimbulkan belas kasihan dan memberi kemaafan.
2. Kehadiran semua ahli waris mangsa boleh menghilangkan keraguan iaitu kemungkinan orang yang tidak hadir telah memaafkan pesalah.

Keberkesanan Pelaksanaan Hukuman Mati

Antara perbezaan yang ketara tentang pelaksanaan hukuman mati di dalam undang-undang jenayah Islam dan undang-undang jenayah Malaysia ialah

tempat pelaksanaan dan kehadiran orang awam. Di dalam amalan di Malaysia, hukuman gantung dilakukan dalam kawasan tertutup di penjara dan hanya beberapa orang tertentu sahaja yang boleh hadir (Kanun Prosedur Jenayah seksyen 281 e(i)). Pelaksanaan secara tertutup tidak mampu menakutkan dan menimbulkan kegerunan di hati masyarakat. Mereka hanya mengetahui berita pelaksanaan hukuman mati melalui akhbar-akhbar sahaja yang tidak langsung memaparkan gambar yang berkaitan. Justeru itu, kalau ada segelintir anggota masyarakat yang menyimpan hasrat untuk melakukan jenayah, pasti akan meneruskan niat mereka kerana tiada pengajaran yang dapat diambil dari pelaksanaan di tempat yang tertutup itu.

Menurut ajaran Islam, hukuman pancung dan rejam mesti dilakukan di tempat yang terbuka dan boleh dihadiri oleh seberapa ramai orang. Pelaksanaan hukuman rejam sememangnya memerlukan kehadiran orang ramai untuk melaksanakannya. Faktor ini menyebabkan hukuman Islam lebih memberi kesan untuk mencegah jenayah dan menakutkan orang ramai kerana mereka mengikuti dan melihat sendiri bagaimana pesalah itu dihukum mati. Peristiwa itu, pasti memberi kesan psikologi yang mendalam kepada masyarakat untuk menjauhi perbuatan jenayah

Di zaman sains dan teknologi ini, pelaksanaan hukuman itu bukan sahaja boleh disaksikan secara mata kasar oleh orang yang hadir sahaja malah segala peralatan canggih boleh digunakan untuk mempromosi dan mempertontonkan pelaksanaan hukuman itu ke seluruh negeri. Siaran TV dan radio boleh menyiarkan siaran langsung pelaksanaan hukuman tersebut. Pita video atau cakera padat (CD) boleh diulang tayang untuk menunjukkan bagaimana cara hukuman dijalankan untuk tontonan generasi akan datang. Secara psikologinya penyaksian dan tontonan itu akan menimbulkan kegerunan di hati masyarakat untuk melakukan jenayah. Seorang yang menyaksikan atau menonton cerita seram pasti teringat dan merasa gerun kerana kesan psikologi dari cerita itu. Ingatan mereka kepada peristiwa itu akan sentiasa dikenang dan disampaikan sebagai pengajaran kepada generasi akan datang. Kesan spiritual ini adalah faktor pencegah dan penghalang yang utama daripada berlakunya kejadian jenayah di kalangan masyarakat.

Pelaksanaan hukuman Islam amat berkesan untuk menghalang kejadian jenayah telah dibuktikan pelaksanaannya di Arab Saudi. Sebagai contoh kejadian jenayah di Arab Saudi pada tahun 1977 hanya satu sahaja dibandingkan di Amerika Syarikat yang tidak menjalankan hukuman Islam pada tahun yang sama sebanyak 10,935,777. (Fadhl Ilahi 1988 : 254).

Banyak pandangan dan pengalaman yang telah diberikan oleh intelek dan penulis antaranya Akhbar Ahmad tentang keadaan dan keberkesanan hukuman Islam di Arab Saudi. Beliau menceritakan pengalamannya melihat peniaga-peniaga barang kemas meninggalkan kedai mereka tanpa penjaga untuk menunaikan sembahyang di masjid. Menurut beliau keadaan seperti itu tidak mungkin berlaku di Oxford Street pusat membeli belah utama di London. Beliau berpandangan bahawa keadaan Arab Saudi menjadi aman damai kerana hukuman Islam yang dijalankan secara terbuka dan dipertontonkan di sana. (*Hamzah Sidek, Utusan Malaysia, 27 September 1997*).

Khatimah

Dari huraian di atas dapat disimpulkan bahawa terdapat dua kaedah atau alat yang digunakan dalam pelaksanaan hukuman mati dalam Islam. Alat yang pertama ialah batu yang sederhana besarnya digunakan dalam pelaksanaan rejam ke atas penzina yang telah berkahwin. Orang ramai akan mengelilingi pesalah dalam bentuk saf sembahyang jemaah depan Kaabah. Kaedah ini tidak boleh diganti dengan cara lain kerana ia adalah cara yang telah dinaskan oleh syara' untuk kes zina muhsan. Manakala cara kedua pula ialah hukuman mati selain dari direjam dan yang paling popular ialah dipancung dengan pedang. Melihat keberkesanan pelaksanaan hukuman mati secara terbuka di Arab Saudi, maka adalah wajar peruntukkan hukuman mati di Malaysia dikekalkan. Tetapi pindaan perlu dilakukan terhadap seksyen 281 e(I) Kanun Prosedur Jenayah yang menetapkan tempat pelaksanaannya secara tertutup di dalam penjara. Pindaan itu akan memberi ruang ke arah pelaksanaan hukuman mati menurut Islam dapat disaksikan di khalayak ramai sebagai ganti hukuman gantung dalam penjara. Tempat yang agak sesuai dicadangkan ialah di stadium dengan memberikan kawalan keselamatan yang ketat kepada pesalah dan pegawai pelaksana hukuman.

Untuk menjadikannya lebih berkesan pula dicadangkan supaya pihak media elektronik menyiarkan pelaksanaan hukuman itu secara langsung di seluruh negeri dan pihak media cetak mesti menjadikan peristiwa itu sebagai tajuk utama akhbar harian. Rancangan itu boleh dirakam ke dalam video atau VCD dan diedarkan secara percuma ke seluruh negeri. Pelaksanaan hukuman mati yang dipertontonkan di khalayak ramai mampu untuk mengurangkan kadar jenayah kekerasan sebagaimana telah dibuktikan keberkesanan pelaksanaannya di negara Arab Saudi.

Semoga artikel ini dapat memberi manfaat kepada kita semua, dengan harapan agar undang-undang jenayah Islam yang mengandungi unsur pencegahan boleh menggantikan undang-undang jenayah ciptaan manusia yang pelaksanaannya kurang berkesan untuk menyekat kegiatan jenayah. Insya Allah.

Bibliografi

1. 'Abd 'Aziz 'Amir. 1976. *al-Ta'zir fi al-Shari'ah al-Islamiah*. t.tp.: Dar al-Fikr al-'Arabi.
2. 'Abd al-Karim Zaidan. 1992. *al-Mufasssal fi Ahkam al-Mar'ab*. Beirut: Muassah al-Risalah.
3. 'Abd al-Khaliq Al-Nawawi. t.th. *al-Tashrie' al-jia'e fi al-shari'ah al-Islamiah wa al-qanun al-wade*. Beirut: al-Maktabah al-'Ashariyyah
4. 'Abd Qadir 'Awdah. 1989. *Al-Tashri' al-Jinae' al-Islami*. Beirut: Muassat al-Risalah.
5. Abdul Aziz Hussin. 1988. *Undang-undang Jenayah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
6. Abu Daud, Sulaiman ibn al-Ash'ath. 1990. *Sunan Abu Daud*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
7. Al-'Adawi, al-Sheikh 'Ali al-Saadi. t.th. *Hashiah al-'Adawi 'ala sharh Abi al-Hasan*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
8. Ahmad, Ahmad ibn Muhammad ibn Hanbal. t.th. *Musnad Imam Ahmad*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
9. Al-Alusi, Shihab al-Din al-Syed Mahmud. t.th. *Rub al-Ma'ni fi tafsir al-Quran al-'Azim*. t.tp. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
10. Al-Baihaqi, Abu Bakr Ahmad ibn Husain. 1984. *al-Sunan al-Kubra*. Makkah: Maktabat Dar al-Baz.
11. Al-Bakri, Ibn al-Syed Muhammad Shata. t.th. *Hashiah i'ianah al-talibin 'ala hall al-faz fath al-ma'in*. Beirut: Dar al-Fikr.
12. Berita Minggu. 1997. 14 September
13. Al-Bukhari, Muhammad ibn 'Isma'il. 1407. *Shahih al-Bukhari*. Qaherah: al-Maktabah al-Salafiah.
14. Al-Dahlawi, Shah Wali Allah ibn 'Abd al-Rahim. 1992. *Hujjat Allah al-Balighah*. Beirut: Dar al-Kutub.
15. Al-Dasuqi, Shams al-Din Muhammad 'Arfah. t.th. *Hashiah al-Dasuqi 'ala sharh al-Kabir*. Qaherah: 'Isa al-Babi al-Halbi wa Shirkah.
16. Fadl Ilahi. 1988. *al-Tadabir al-waqiah min al-zina fi al-Fiqh al-Islami*. Pakistan: Idarah Tarjaman al-Islam.

17. Al-Hamidani, Nimr ibn Muhammad. 1993. *Wilayah al-Shurtah fi al-Islam*. Riyad : Dar 'Alam al-Kutub.
18. Hamzah Sidek. 1997. Ujian Diplomatik. *Utusan Malaysia*. 27 September 1997.
19. Al-Hattab, Muhammad ibn Muhammad ibn 'Abd al-Rahman. 1992. *Mawahib al-Jalil*. Dar al-Fikri.
20. Al-Hawish, Muhammad ibn Ibrahim. 1396. *al-'Uqubat al-Shariyyah wa kaifiah tatbiquba al-Nadwah al-'Ilmiyyah Lidarasah tatbiq al-tasbr'e al-jina'i al-Islami*.²¹ Wazarat al-Dakhiliyyah Arab Saudi, Riyad, 16 - 21 Shawwal.
22. <http://id.wikipedia.org/wiki/Hukuman-mati>.
23. Ibn 'Abidin, Muhammad Amin. 1979. *Hashiah Radd al-Mukhtar*. Dar al-Fikr.
24. Ibn Humam, Kamal al-Din Muhammad ibn 'Abd Wahid. 1316. Mesir: al-Matba'ah al-Kubra al-Amiriyyah.
25. Ibn Majah, Muhammad ibn Yazid. t.th. *Sunan Ibn Majah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
26. Ibn Qayyim al-Jawziah, Muhammad ibn Abu Bakr. 1991. *Zad al-Ma'ad fi Hady Khair al-'Ibad*. Beirut: Muassat al-Risalah.
27. Ibn Qudamah, Abu Muhammad Muffaq al-Din 'Abd Allah ibn Qudamah. 1348. *al-Mughni*. Mesir: Matba'ah al-Manar.
28. Ibn Taimiyyah, Ahmad ibn 'Abd al-Halim. 1988. *al-Siyasah al-Shari'iyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
29. Ibn Taimiyyah, Ahmad ibn 'Abd al-Halim. 1992. *al-Hisbah fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
30. Al-Kasani, Abu Bakar ibn Mas'ud. th. *Bada'iu' al-sanai'u'*. Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyah.
31. Al-Kashnawi, Abu Bakr ibn Hasan. t.th. *Ashal al-madrik*. Qaherah: 'Isa al-Babi al-Halbi wa Shirkah.
32. Malaysia, 1994. Kanun Prosedur Jenayah. Pindaan hingga 5 Mac 1994.
33. Al-Malibari, Zain al-Din ibn 'Abd al-'Aziz. t.th. *Fath al-Mu'in*. t.tp. Dar al-Fikr.
34. Malik ibn Anas. 1990. *Muwatta' Imam Malik*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.

35. Al-Mardawai, Abu Hasan 'Ali ibn Sulaiman. t.th. *al-Insaf fi Ma'arif al-Rajih min al-Khilaf 'ala Mazhab Ahmad ibn Hanbal*. Qaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah.
36. Al-Mawardi. 1994. *al-Hawi al-Kabir*. al-Maktab al-Islami
37. Al-Mubarakpuri, Muhammad 'Abd al-Rahman ibn 'Abd al-Rahim. 1990. *Tuhfat al-Ahwazi*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
38. Muslim, Abu al-Husain Muslim ibn al-Hajaj. 1987. *Shahih Muslim*. Qaherah: Dar al-Rayyan Lilturath.
39. Al-Mawwaq, Muhammad ibn Yusuf. 1992. *al-Taj wa al-Iklil*. Dar al-Fikri.
40. Al-Nasa'i Abu 'Abd al-Rahman. t.th. *Sunan al-Nasa'i*. Beirut: Dar al-Ma'arifah.
41. Al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya ibn Sharaf. 1987. *Shahih Muslim bi sharh al-Nawawi*. Qaherah: Dar al-Rayyan Lil turath.
42. Al-Qurtubi, Abu 'Umar Yusuf ibn 'Abd Allah. 1979. *al-Kafi fi fiqh ahl al-Madinah*. Qaherah: Matba'ah Hasan.
43. Al-Ramli, Muhammad ibn Abu 'Abbad. 1993. *Nihayat al-Muhtaj*, Makkah: Maktabah Dar al-Baz.
44. Al-Sadlan, Salih ibn Ghanam. 1412. *al-Mukhaddarat wa al-'Aqaqir al-Nafsiyah*. Majallah al-Buhuth al-Islamiah. 32. Riyad.
45. Al-Sarkhasi, Abu Muhammad ibn Ahmad. t.th. *al-Mabsut*. Mesir: Matba'ah al-Sa'adah.
46. Al-Shafi'e, Muhammad ibn Idris. 1993. *Al-Umm*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
47. Al-Sharbini, Muhammad ibn Ahmad. 1958. *Mughni al-Muhtaj*. Mesir: matbaah Mustafa al-Babi al-Halbi.
48. Al-Shaukani, Muhammad ibn 'Ali. 1995. *Nail al-Antar*. Makkah: Dar al-Baz.
49. Al-Shirazi, Ibrahim ibn 'Ali. t.th. *al-Muhazzab*. Mesir: Matba'ah Mustafa al-babi al-Halbi.
50. Al-Tirmizi, Abu 'Isa Mohammad ibn 'Isa. 1990. *Sunan al-Tirmizi*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
51. Utusan Malaysia 2006 21 Mac.

52. Yas 'Umar Yusuf. 1993. *Sbarah Qanun al-Ijraat al-Jinaiah Lisanah* 1991. Mesihi. Beirut: Dar wa Maktabah al-Hilal.
53. Al-Zaila'i, Abu Muhammad 'Abd Allah ibn Yusuf. 1973. *Nash al-Rayah*. t.tp. al-Maktabah al-Islamiah.
54. Al-Zurair, Khalifah al-Barahim al-Salih. 1980. *Mukafahah Jarimah al-Sariqah fi al-Islam*. Riyad: Maktabat al-Ma'arif.